

GARIS PANDUAN

LESEN IMPORT (AP) KAJIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (AP R&D) – SEMENTARA

A.	Objektif	Untuk membolehkan pengimportan kenderaan/komponen ke Malaysia secara sementara (maksimum 6 bulan sahaja) untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam industri automotif, dan dieksport semula <u>sebelum tamat had tempoh</u> .				
B.	Syarat Kelayakan	(i) Dipertimbangkan kepada <u>syarikat yang berdaftar dengan SSM</u> , atau <u>institut / agensi / organisasi</u> yang berkaitan; dan (ii) Kenderaan hendaklah dieksport semula pada atau sebelum enam (6) bulan dari tarikh kelulusan lesen import (AP Sementara).				
C.	Syarat Pengimportan	(i) Pendaftaran hanya atas nama pengimport sahaja bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D); (ii) Kenderaan hendaklah dieksport semula enam (6) bulan dari tarikh kelulusan lesen; (iii) Pengimportan sementara bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D)/ <i>Vehicle Type Approval</i> (VTA) sahaja; dan (iv) Pengimportan kenderaan hendaklah disertakan salinan <i>Certificate of Origin/Registration</i> .				
D.	Penghantaran Permohonan	Syarikat perlu mengemukakan permohonan <u>AP Kajian Penyelidikan dan Pembangunan (AP R&D) - Sementara</u> berserta dokumen sokongan untuk semakan dan pra-kelulusan Kementerian dahulu seperti berikut: Surat permohonan syarikat (<i>letterhead</i> syarikat) - sila nyatakan <u>tujuan</u> pengimportan R&D sementara, <u>kuantiti</u> unit kenderaan yang diimport serta <u>negara pengimport</u>. Profil syarikat (SSM) Jadual aktiviti R&D - Carta perbatuan (<i>Gantt chart</i>) yang lengkap dan jelas berkenaan tempoh masa dan ujian R&D yang akan dilaksanakan untuk tempoh 6 bulan. Spesifikasi kenderaan, nombor casis, nombor enjin dan gambar kenderaan. Proses permohonan ini mengambil masa <u>minimum 14 hari bekerja</u> dari tarikh dokumen lengkap dihantar. Setelah syarikat menerima Surat Pra-Kelulusan MITI, syarikat adalah dipohon untuk mengemukakan permohonan berserta dokumen sokongan dalam talian menerusi sistem ePermit. <table><tr><td>E-mel</td><td>Unit AP Luar Kuota apluarkuota@miti.gov.my</td></tr><tr><td>Serahan Tangan</td><td>Kaunter 8, Aras 2, Menara MITI Seksyen Kawalan Eksport dan Import Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah 50480 Kuala Lumpur <u>Waktu Operasi:</u> 9.00 pagi - 4.00 petang (setiap hari kecuali Sabtu, Ahad dan cuti umum)</td></tr></table>	E-mel	Unit AP Luar Kuota apluarkuota@miti.gov.my	Serahan Tangan	Kaunter 8, Aras 2, Menara MITI Seksyen Kawalan Eksport dan Import Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah 50480 Kuala Lumpur <u>Waktu Operasi:</u> 9.00 pagi - 4.00 petang (setiap hari kecuali Sabtu, Ahad dan cuti umum)
E-mel	Unit AP Luar Kuota apluarkuota@miti.gov.my					
Serahan Tangan	Kaunter 8, Aras 2, Menara MITI Seksyen Kawalan Eksport dan Import Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah 50480 Kuala Lumpur <u>Waktu Operasi:</u> 9.00 pagi - 4.00 petang (setiap hari kecuali Sabtu, Ahad dan cuti umum)					

		Pos Pengarah Seksyen Kawalan Eksport dan Import Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) Aras 2, Menara MITI No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah 50480 Kuala Lumpur WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
E.	Dokumen Sokongan Pemprosesan AP Menerusi Sistem ePermit	Dokumen sokongan bagi permohonan AP Kajian Penyelidikan Dan Pembangunan (AP R&D) – Sementara yang perlu dimuatnaik secara dalam talian menerusi sistem ePermit adalah seperti berikut: (i) Surat Permohonan Syarikat (<i>letterhead</i> syarikat); (ii) Surat Pra-Kelulusan MITI; (iii) Carta Perbatuan (<i>Gantt Chart</i>); (iv) Spesifikasi kenderaan, nombor casis, nombor enjin dan gambar kenderaan (dari pandangan hadapan, belakang, kiri dan kanan) (v) <i>Bill of Lading</i> (BL) / <i>Air Waybill</i> / <i>Truck Waybill</i> ; (vi) A.T.A Carnet (jika ada).
F.	Proses Kerja	Sila rujuk <u>carta alir (<i>flowchart</i>)</u> AP Kajian Penyelidikan Dan Pembangunan (AP R&D) – Sementara
G.	Pertanyaan Lanjut	(i) <u>Berkaitan Permohonan AP:</u> Seksyen Kawalan Eksport dan Import Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) Aras 2, Menara MITI No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah 50480 Kuala Lumpur WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR Nombor telefon : 03-6208 4710/4708/4726/4778 Emel : apluarkuota@miti.gov.my Portal AP : www.miti.gov.my/ap (ii) <u>Berkaitan sistem ePermit:</u> Bahagian Khidmat Pelanggan (Careline) Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. (DNT) Dagang Net Tower, Block 10 (A&B) Corporate Park Star Central, Lingkaran Cyberpoint Timur, Cyber 12 63000 Cyberjaya SELANGOR DARUL EHSAN Nombor telefon : 1-300-133 -133 Emel : careline@dagangnet.com Laman web : www.dagangnet.com